


# Buletin MOT

Edisi 3 • Mac 2019



## Pameran Antarabangsa Maritim dan Aeroangkasa Langkawi 2019 (LIMA'19)

*LIMA'19 yang berlangsung pada 26 hingga 30 Mac 2019 telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 26 Mac 2019 menyaksikan sektor komersil masih lagi menjadi fokus utama Kementerian Pengangkutan sebagaimana edisi-edisi LIMA yang lalu.*



YAB Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad ketika menyampaikan ucapan pada majlis perasmian LIMA'19 di Mahsuri International Exhibition Centre (MIEC) Langkawi

Berbanding pada edisi yang lepas, pada kali ini penglibatan sektor komersil telah meningkat kepada 40 peratus. Pempamer sektor komersil melibatkan segmen penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih, syarikat pembuatan pesawat dan kapal komersil, syarikat-syarikat pengendali, akademi-akademi latihan serta pemain-pemain industri aeroangkasa dan maritim.

Penganjuran LIMA'19 pada kali ini diadakan di dua tempat yang berasingan di mana pameran aeroangkasa diadakan di Mahsuri International Exhibition Centre (MIEC), manakala pameran maritim diadakan di Resorts World Langkawi. Antara negara yang mengambil bahagian sebagai pempamer adalah Turki, Rusia, United Kingdom, Amerika Syarikat, China, Perancis, Australia, Belarus, Jepun, Jerman, Slovakia dan Ukraine.



YAB Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkesempatan meluangkan masa berkunjung ke Pavilion MOT LIMA'19 di Mahsuri International Exhibition Centre (MIEC) Langkawi

Kementerian Pengangkutan juga turut terlibat sebagai pempamer dalam LIMA'19 ini dengan menampilkan 25 jabatan, agensi, syarikat pengendali dan pihak yang berkepentingan yang diletakkan di bawah Pavilion MOT. Antaranya, Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM), Jabatan Laut Malaysia (JLM), Biro Siasatan Kemalangan Udara (BSKU), Lembaga Pelabuhan Klang (LPK), Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ), Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP), Lembaga Pelabuhan Kuantan (LPKtn), Lembaga Pelabuhan Bintulu (PLB), Institut Maritim Malaysia (MIMA), Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB), Perlindungan dan Indemniti Malaysia Sdn Bhd (PNI), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan lain-lain lagi.

Selain itu, Kementerian Pengangkutan melalui CAAM telah menganjurkan Persidangan Antarabangsa "ASEAN Aviation Summit" manakala MIMA pula menganjurkan "The International Conference of the Straits of Malacca". Beberapa siri ceramah kerjaya juga telah diadakan di Pavilion MOT.



Antara gambar-gambar yang sempat dirakam sepanjang LIMA'19 di Mahsuri International Exhibition Centre (MIEC) dan Resorts World Langkawi





Para peserta Program 24 Hours Challenge #funtasticLIMA19 bergambar kenang-kenangan di Majlis Pelancaran dan Pelepasan Peserta di Balai Ketibaan KLIA Ekspres KL Sentral

## Program 24 Hours Challenge

### #funtasticLIMA19

*Program 24 Hours Challenge #funtasticLIMA19 anjuran Sekretariat LIMA'19 Kementerian Pengangkutan dengan kerjasama Kelab Sukan dan Kebajikan Kementerian Pengangkutan (KSKKP) buat julung kalinya telah diadakan pada 16 hingga 19 Mac 2019 bersempena dengan Pameran Antarabangsa Maritim dan Aeroangkasa Langkawi 2019 (LIMA'19). Program ini turut mendapat kerjasama daripada Hotel Adya Chenang yang memberi sumbangan melalui tajaan bilik dan Malaysia Airlines Berhad (MAS) yang menyediakan tajaan hadiah tiket kapal terbang.*

Pertandingan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas dan merupakan salah satu platform publisiti LIMA'19, di samping bertujuan untuk mempromosikan perkhidmatan pengangkutan awam di bawah kelolaan Kementerian Pengangkutan serta dalam masa sama mendekatkan rakyat dengan pengangkutan awam.

Sebanyak 15 pasukan peserta telah menyertai program ini. 15 pasukan dipilih sebagai melambangkan edisi LIMA ke-15 pada tahun ini. Setiap pasukan perlu menamatkan perjalanan mereka di Hotel Adya Chenang, Langkawi dalam tempoh 24 Jam dan perlu berswafoto atau merakam video menggunakan sekurang-kurangnya 3 mod pengangkutan awam yang berbeza dalam 5 trip perjalanan serta di 1 lokasi pelancongan.

Majlis Pelancaran dan Pelepasan Peserta telah diadakan pada 16 Mac 2019 di Balai Ketibaan KLIA Ekspres, KL Sentral yang disempurnakan oleh YB Dato' Kamarudin Jaffar, Timbalan Menteri Pengangkutan, manakala majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Tuan Syed Nasir Syed Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Pengangkutan pada 17 Mac 2019 di Hotel Adya Chenang, Langkawi, Kedah.

Tempat pertama dimenangi oleh Kumpulan B yang diwakili oleh Encik Khew Le Man dan Cik Suhaini Rosyidah. Pemenang gambar atau video paling kreatif adalah dari Kumpulan A yang diwakili oleh Encik Aisamuddin dan Puan Wan Suhaira. Pemilihan pemenang dipilih berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh penganjur termasuk bilangan 'likes' untuk setiap gambar atau video di laman media sosial rasmi Kementerian Pengangkutan.



Barisan para pemenang Program 24 Hours Challenge #funtasticLIMA19 di majlis penyampaian hadiah yang telah disempurnakan oleh Tuan Syed Nasir Syed Ahmad, TKSU (Dasar) Kementerian Pengangkutan

## Penyerahan Kunci Kuarters Milik RAC Kepada KTMB

*Perbadanan Aset Keretapi (RAC) telah mengadakan Majlis Penyerahan Kuarters milik RAC kepada Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) di Lot 233, Seksyen 31, Klang, Selangor pada 15 Mac 2019 yang dirasmikan oleh YB Dato' Kamarudin Jaffar, Timbalan Menteri Pengangkutan. Dalam majlis yang sama, diadakan juga majlis menandatangani dokumen penyerahan kuarters yang telah siap oleh Cawangan Kejuruteraan Infrastruktur Pengangkutan (CKIP), Jabatan Kerja Raya (JKR) kepada RAC.*

Kuarters asal merupakan kuarters kayu yang telah digunakan sejak sekian lama dikhawatiri tidak selamat dan berbahaya kepada penghuninya. Pembinaan kuarters ini yang mendapat sentuhan arkitek dengan konsep dan ciri-ciri yang lebih moden, diharapkan akan memberi keselesaan kepada penghuninya. Dengan pembinaan kuarters ini, ianya menunjukkan bahawa RAC sentiasa komited untuk melaksanakan pemulihan kuarters-kuarters yang usang dari semasa ke semasa setelah mengambil kira keperluan kakitangan KTMB yang perlu bersedia sepanjang masa bagi menghadapi sebarang kemungkinan memandangkan perkhidmatan ini adalah berkait rapat dengan perkhidmatan kepada rakyat. Selain itu, RAC bukan sahaja mementingkan kelancaran operasi keretapi, malah mementingkan juga hal kebajikan dan produktiviti pekerja.



Timbalan Menteri Pengangkutan, YB Dato' Kamarudin Jaffar menyaksikan majlis menandatangani dokumen penyerahan kuarters yang telah siap oleh CKIP, JKR kepada RAC

## Pelancaran Kad Diskaun Xtra20 KTM Komuter

Kementerian Pengangkutan melalui Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) telah melancarkan satu lagi insentif baru yang dikenali sebagai Xtra20 iaitu tambahan diskaun 20% ke atas diskaun tanpa tunai (cashless) yang sedia ada bagi perkhidmatan KTM Komuter. Insentif tersebut telah dilancarkan pada 31 Mac 2019 di KL Sentral oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail dan turut dihadiri oleh Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Datuk Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman, Ahli Lembaga Pengarah Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), Datuk Ir Kamarulzaman Zainal, dan Pengurus Besar Perbadanan Aset Keretapi (RAC), Encik Azhar Ahmad.



Sumber gambar: Instagram @ktmofficial



Semua penumpang perkhidmatan KTM Komuter warganegara Malaysia boleh menggunakan kad Xtra20 dan menikmati diskaun tambahan 20 peratus bermula 1 April 2019

Xtra20 adalah merupakan satu usaha kerajaan untuk menampung kos sara hidup para pengguna perkhidmatan komuter warganegara Malaysia yang dijangka mampu merangsang peningkatan penumpang KTM Komuter pada tahun ini dan tahun yang akan datang. Kementerian Pengangkutan mensasarkan peningkatan sebanyak 20 peratus pada tahun 2019 iaitu daripada lebih kurang 90,000 penumpang sehari kepada 108,000 penumpang sehari dan seterusnya tambahan 20% pada tahun 2020 demi mencapai sasaran 130,000 orang penumpang sehari dengan konsisten.

## Pelancaran Perkhidmatan Bas Perantara Dari LRT Putra Heights ke KLIA dan klia2

Perkhidmatan Bas Perantara dari Stesen LRT Putra Heights ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (klia2) telah dilancarkan pada 7 Mac 2019 oleh Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook. Ianya turut dihadiri oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana), Datuk Mohamed Hazlan Mohamed Hussain dan Pengurus Besar Hafeena Sdn Bhd, Lee Hock Tiam.



Sidang media YB Menteri Pengangkutan selepas Majlis Pelancaran Perkhidmatan Bas Perantara dari Stesen LRT Putra Heights ke KLIA dan klia2  
Sumber gambar: Facebook Rapid KL

Pelancaran perkhidmatan ini adalah bagi mewujudkan persaingan yang sihat dan menghasilkan perkhidmatan yang lebih baik manakala pemilihan stesen LRT Putra Heights dibuat kerana ianya merupakan stesen yang paling strategik yang menghubungkan banyak laluan ke KLIA.



Sumber gambar: Instagram @myrapidkl

Pada majlis itu juga, Prasarana melancarkan tiket harga kombo serendah RM10 bagi pengguna untuk ke KLIA dan klia2 di mana pengguna boleh membeli tiket perjalanan sehala di semua stesen Transit Aliran Massa (MRT), Transit Aliran Ringan (LRT), monorel dan kaunter Bas Rapid Transit (BRT) untuk ke Stesen LRT Putra Heights, seterusnya menyambung perjalanan ke KLIA dan klia2 dengan bas Rapid KL.

Jetbus pula menawarkan harga RM4 sehala dari Stesen LRT Putra Heights menuju ke KLIA dan klia2, dengan perjalanan dijangka mengambil masa kira-kira 30 hingga 40 minit di mana bas berlepas setiap 60 hingga 90 minit. Selain itu, kedua-dua perkhidmatan ini juga menyediakan jadual kekerapan yang amat baik bagi memudahkan pengguna.



## Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR)

JKJR telah ditubuhkan pada 15 September 2004 bertanggungjawab sebagai peneraju advokasi keselamatan jalan raya bagi meningkatkan kesedaran keselamatan jalan raya serta mengurangkan kadar kematian dan kecederaan akibat kemalangan jalan raya. JKJR juga memainkan peranan sebagai penyelarar bagi inisiatif-inisiatif baru ke arah peningkatan keselamatan jalan raya.

Selain daripada itu, jabatan ini berfungsi dalam merancang, menggubal, melaksana dan menyelarar dasar / pelan / peraturan berkaitan keselamatan jalan raya. Ia juga bertanggungjawab untuk menyelarar dan mengkoordinasi program-program keselamatan jalan raya yang melibatkan kerjasama pelbagai agensi. Dan pada masa yang sama menyelarar dan melaksanakan kempen-kempen keselamatan jalan raya peringkat kebangsaan untuk mendidik pengguna jalan raya. JKJR juga merupakan urusetia kepada Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR).

### Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) Malaysia

Aras 3, Galeria PJH, Jalan P4W, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Wilayah Persekutuan Putrajaya

[www.jkjr.gov.my](http://www.jkjr.gov.my)

Tel : 03 8323 8000 · Faks : 03 8888 8806



Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook meninjau pengoperasian kaunter JPJ Cawangan Langkawi sempena lawatan kerja beliau ke pejabat tersebut

## Lawatan Kerja YB Menteri Pengangkutan ke Pejabat JPJ Cawangan Langkawi

Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook telah mengadakan lawatan kerja ke pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Cawangan Langkawi, Kedah pada 25 Mac 2019. Turut mengiringi ialah Ketua Setiausaha MOT, Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MOT, Tuan Syed Nasir Syed Ahmad, Ketua Pengarah JPJ, Dato' Sri Shaharuddin Khalid, Pengarah JPJ Negeri Kedah, Tuan Ismasuhami Sharif dan Pengarah JPJ Negeri Perlis, Tuan Shahrul Azhar Mat Dali.

Semasa lawatan tersebut, YB Menteri telah diberikan taklimat mengenai pengoperasian JPJ Cawangan Langkawi, nombor siri pendaftaran di Langkawi, statistik terkini mengenai jumlah pendaftaran kenderaan di Langkawi, jumlah kenderaan yang disita serta beberapa isu yang melibatkan aktiviti penguatkuasaan. Selain itu, YB Menteri juga dibawa untuk melihat sendiri pengoperasian kaunter JPJ Cawangan Langkawi dan bertemu serta beramah mesra dengan pegawai dan kakitangan di pejabat tersebut.

## Majlis 'APEC Women in Transportation (WiT)'

Kementerian Pengangkutan dengan kerjasama Malaysia Institute of Transport (MITRANS), Chartered Institute of Logistics and Transport Malaysia (CILTM) dan Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) telah menganjurkan 'APEC Women in Transportation (WiT)' bagi menghargai dan memberi pengiktirafan kepada mentor dan mentee serta pihak-pihak yang telah terlibat dalam menjayakan program tersebut.

Majlis ini telah diadakan pada 7 Mac 2019 di Dewan Serbaguna, Kementerian Pengangkutan dan dihadiri oleh YB Dato' Kamarudin Jaffar, Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman, KSU MOT, Puan Hajah Mahuran Saro Dato' Haji Sariki, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif TalentCorp, Tuan Haji Abi Sofian Abdul Hamid, Setiausaha Agung CILTM dan Profesor Dr. Harlina Suzana Jaafar, Pengarah MITRANS.

Program ini telah mengetengahkan 16 orang mentor dari syarikat swasta serta agensi kerajaan dan disertai oleh lebih daripada 130 wanita profesional dalam sektor pengangkutan serta industri pelabuhan.

Program bertujuan memartabatkan pemberdayaan wanita atau 'women empowerment' dalam sektor pengangkutan serta industri pelabuhan dan mewujudkan kesedaran untuk menangani masalah ketidakseimbangan jantina di tempat kerja. Selain itu, diadakan juga penyampaian kit program 'APEC Women in Transportation (WiT) Mentoring Programme'.



Di antara peserta 'APEC Women in Transportation' yang menerima penghargaan kerana telah terlibat dalam menjayakan program tersebut

### Kementerian Pengangkutan Malaysia

No. 26, Jalan Tun Hussein, Presint 4, 62100 Wilayah Persekutuan Putrajaya  
Tel : 03 8000 8000 · Faks : 03 8888 0158 · E-mel : [aduan@mot.gov.my](mailto:aduan@mot.gov.my)



[motmalaysia](https://www.motmalaysia.com)



[ministryoftransportmy](https://www.ministryoftransportmy)